

SIDANG REDAKSI

Sidang Redaksi

BP. BIL. NO.3/SIRI 1/T2009 | ISSN 1985 - 2013

PENASIHAT

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawan teh
Yang di-Pertua Dewan Negara

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

KETUA PENGARANG

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

PENGARANG

Ahmad Fauzi Haji Mustafa
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

PENOLONG PENGARANG

Mustafar Ramdzaun Zakaria
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia
Wan Noorzaleha Wan Hasan
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

PENYUNTING

Abdul Rahman Adnan
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia
Mahiran Abu Amin
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia
Kamala Bhaie a/p M. G. Pillai
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

JURUFOTO

Haji Abu Bakar Hasan
Jurufoto Parlimen Malaysia

HAKCIPTA

Parlimen Malaysia
Artikel yang disiarkan dalam BULETIN PARLIMEN MALAYSIA tidak semestinya mencerminkan pendapat Sidang Redaksi, tetapi lebih merupakan pendapat penulis.

REKA BENTUK DAN DICETAK OLEH


Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Sidang Redaksi BULETIN PARLIMEN MALAYSIA mengalu-alukan sumbangan artikel dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

BULETIN PARLIMEN MALAYSIA
Unit Penyelidikan, Tingkat 5, Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2072 1955 | Fax : 03-2026 9785
Email: buletinparlimen@parlimen.gov.my

Gambar Kulit Depan

JAM besar Parlimen Malaysia merupakan ikon keinstitusian berparlimen yang menjadi kebanggaan negara ini. Jam tersebut turut dihiasi beberapa jenis pokok renik berbunga seperti Marigold, Vinca, Cosmos dan Coleus yang ditukar ganti setiap sebulan. Lebih menarik, jam besar Parlimen dikawal selia menggunakan Sistem Penentu Kedudukan Sejagat (GPS). Selain jam besar Parlimen Malaysia, terdapat dua lagi jam besar di negara kita iaitu di Cyberjaya, Selangor dan Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah.



DARI MEJA KETUA PENGARANG



**YBhg. DATUK KAMARUDDIN
MOHAMED BARIA**
Ketua Pentadbir Parlimen
Malaysia

*Assalammualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Hormat.*

SELAMAT bertemu kembali dalam edisi terbaru Buletin Parlimen Malaysia pada tahun ini. Semoga pengisian di dalam edisi kali ini memberi manfaat kepada pembaca sebagai wadah percambahan minda demi kebaikan bersama.

Pada tahun 2008, Dewan Rakyat telah bersidang selama 79 hari dan 24 hari bagi Dewan Negara. Bagi Dewan Rakyat, hanya terdapat 30 hari sahaja di mana persidangannya berakhir pada jam 5.30 petang dan 16 hari bagi Dewan Negara. Pada hari lain, terutamanya Dewan Rakyat, persidangan berlarutan hingga ke lewat malam.

Terdapat sebanyak 16 hari kedua-dua Dewan bersidang serentak. Keadaan yang sama mungkin berlaku pada tahun ini atau mungkin waktu kedua-dua Dewan bersidang akan mengambil masa lebih lama.

Perbahasan Parlimen Malaysia pada waktu kini sentiasa mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat serta media massa. Buletin ini memaparkan peristiwa-peristiwa penting yang tercatat sepanjang persidangan Parlimen di dalam kedua-dua Dewan.

Tahun 2009 merupakan Jubli Emas Parlimen Malaysia. Yang di-Pertuan Agong Pertama telah mengisyiharkan bahawa 11 September 1959 sebagai tarikh mesyuarat pertama, penggal pertama bagi Parlimen Pertama. Parlimen yang sedang bersidang sekarang ini ialah Parlimen Keduabelas.

Sejajar dengan itu, pengurusan dan pentadbiran Parlimen Malaysia sedang menyusun beberapa program dalam menjayakan Jubli Emas. Ini termasuklah kerjasama dengan Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan syiling peringatan, buku direktori Ahli Parlimen Malaysia 1959 – 2009, majlis perjumpaan antara semua Ahli Parlimen dan filem dokumentari mengenai Parlimen Malaysia.

Sekian. Selamat Membaca.

KANDUNGAN

1	DARI MEJA KETUA PENGARANG	/ 2
2	PERUTUSAN YANG di-PERTUA DEWAN NEGARA	/ 4
3	PERUTUSAN YANG di-PERTUA DEWAN RAKYAT	/ 5
4	PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI	/ 6
5	MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-12	/ 7
6	IMBASAN	
	Pemasuhan: Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat / 11	
	Senarai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat / 11	
	Senarai Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat / 12	
	Memori / 13	
	Intipati Ucapan Perhimpunan Bulanan / 14	






7

MAJLIS ANGKAT SUMPAH

- Pelantikan Ahli Dewan Negara / 15
Tempat Duduk Ahli-ahli Dewan Rakyat / 16
Tempat Duduk Ahli-ahli Dewan Negara / 18



10

AKTIVITI

- Program Peningkatan Integriti dan Modal Insan / 40
Rakaman Takbir Raya Kelab Penyokong Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) di Lobi Dewan Rakyat / 41
Majlis Berbuka Puasa Kakitangan Parlimen Malaysia / 41
Sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya / 42
Majlis Aidilfitri anjuran Parlimen Malaysia / 42
Jamuan Aidilfitri anjuran BNNBC / 43
Rumah Terbuka anjuran Bahagian-bahagian dan Unit di Parlimen Malaysia / 44
Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan / 45
Senaman Poco-Poco Anjuran Biro Kebudayaan dan Kesenian Parlimen Malaysia / 46
Kursus Pemantapan Pengawal Keselamatan dan Bentara di Felda Bukit Rokan Gemencheh, Negeri Sembilan / 46

8

MESYUARAT KHAS

- Sidang Khas Parlimen Malaysia Berhubung Pencerobohan Israel ke Atas Semenanjung Gaza di Palestin / 19

9

ARTIKEL

- Peraturan Majlis Mesyuarat Perlu Dihormati / 24
Sumbangan 240 naskah Kamus Dewan Edisi ke-4 / 29
Dunia Perlukan Diplomasi Keamanan / 30
Demokrasi 50 Tahun Berparlimen: Dari Perspektif Sejarah / 33
Etos Keusahawanan Muslim / 36
Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Parlimen Malaysia / 38
Jom Sihat / 39



11

PORTFOLIO



- Urusan Rasmi Antarabangsa Parlimen Malaysia / 47
Lawatan Pemimpin Luar Negara ke Parlimen Malaysia / 48
Rang Undang-undang Yang Telah Diluluskan Bagi Tahun 2008 / 50
Zoom Parlimen Malaysia / 54



Yang di-Pertua Dewan Negara

Y.B. TAN SRI DATO' SERI
DR. ABDUL HAMID PAWAN TEH

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KEMUNCULAN penerbitan kali ketiga Buletin Parlimen ini sedikit sebanyak menandakan terdapat komitmen dan usaha yang berterusan terhadap inisiatif yang telah dicetuskan lebih setahun yang lalu. Maka amat bertepatan bagi saya sebagai warga Parlimen merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat atas kesungguhan mereka.

Biar pun dalam keadaan ketandusan minat dalam kalangan masyarakat kita untuk mengambil tahu secara lebih mendalam mengenai prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada kewujudan institusi Parlimen mahu pun selok belok perjalanannya, masih terdapat kalangan warga Parlimen yang sanggup berjuang untuk memberi pemahaman yang jitu terhadap perkara ini.

Bagi saya sudah tentu usaha ini merupakan satu lagi sumbangan terhadap pemantapan amalan demokrasi di negara tercinta; apabila kita lebih mengetahui amalan kita menjadi lebih bermutu.

Saya mengalau-alukan penerbitan Buletin Parlimen 2009 ini semata-mata dalam konteks tersebut dan mendoakan semoga penerbitan ini mencapai matlamat.

Syabas sekali lagi diucapkan.



Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Y.B. TAN SRI DATUK SERI UTAMA
PANDIKAR AMIN HAJI MULIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanah Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya Parlimen Malaysia dapat meneruskan usaha untuk menerbitkan Buletin Parlimen Malaysia.

Usaha menerbitkan Buletin Parlimen Malaysia ini amat perlu kerana buletin ini menjadi wadah penting kepada Parlimen Malaysia untuk memberi gambaran jelas tentang peranan dan tanggungjawab Parlimen dalam

menggubal dan meluluskan sesuatu rang undang-undang. Selain itu, melaluinya masyarakat umum juga akan mendapat maklumat mengenai pelaksanaan urusan mesyuarat Parlimen supaya mereka lebih memahami akan kebenaran sesuatu keputusan yang dibuat oleh pihak Yang di-Pertua.

Sejak sesi penggal pertama pada tahun 1959, Parlimen Malaysia telah melalui pelbagai transformasi. Meskipun demikian, pada keseluruhannya amalan demokrasi di Parlimen tidak pernah tergugat malah terus terpelihara di mana prinsip mematuhi keputusan majoriti terus didukung dan diamalkan.

Pada 11 September 2009 ini, Parlimen Malaysia akan menyambut ulang tahun Jubli Emas. Justeru, saya berharap semua pihak akan terus memberikan kerjasama kepada pihak Yang di-Pertua dan juga pentadbiran parlimen untuk merealisasikan hasrat mewujudkan Parlimen Kelas Dunia (*World Class Parliament*) seperti mana yang kita sama-sama harapkan.

Untuk itu, saya menyeru semua Ahli Dewan Rakyat, yang saya sedia maklum terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan ilmu dalam pelbagai disiplin agar terus memberi kerjasama dengan sentiasa menghormati peraturan mesyuarat dan berpegang teguh kepada kaedah dan tatasusila yang baik supaya masa persidangan tidak dipersiakan dengan isu remeh. Gunakanlah masa persidangan ini untuk menyuarakan perkara-perkara yang dapat memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah bergabung tenaga dan fikiran dalam memastikan kelahiran Buletin Parlimen kali ini yang pada hemat saya lebih menarik dan informatif. Semoga buletin ini akan memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

PERUTUSAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI
TAN SRI ABDUL AZIZ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Bahagia.

TARIKH bersejarah 11 September 1959, membuka satu lembaran sistem demokrasi berparlimen yang kita junjung dan sistem raja berperlembagaan yang menjadi paksi kedaulatan setiap warganegara ini.

Sistem Wesminster yang kita contohi masih menjadi sistem demokrasi berparlimen yang utuh dengan penyesuaian mendalam menepati sistem parlimen negara kita. Seharusnya diingat adalah menjadi tanggungjawab bersama antara kita, semua Ahli Dewan untuk memastikan kedaulatan dan kehormatan kedua-dua Dewan yang mulia itu, dipelihara dan dipertahankan walau apa jua keadaan. Janganlah kita terlalu khusyuk mempengaruhi atau membangkang sesuatu keputusan sehingga kehormatan dan kesucian Dewan yang mulia dicemari dan diabai sama sekali. Haruslah kita ingat bahawa Dewan ini adalah medan perbaahan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui cara yang terhormat dengan ungkapan-ungkapan yang dihormati. Bersama, kita menghormatinya dan memastikan agar dasar-dasar yang digubal benar-benar berhemah dan mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

Idea Parlimen Kelas Dunia yang menjadi sebutan pelbagai pihak dan harapan setiap Ahli Parlimen hanya boleh direalisasikan sekiranya lonjakan paradigma diterima dan diaplikasikan, bukan sekadar retorik janji. Bertitik dari angka 50, kita mahu melonjak ke hadapan lagi. Kita melihat intipati Parlimen Kelas Dunia yang telah dicapai oleh sesetengah negara. Tahap dunia Kelas Dunia merangkumi ;

- a) Prasaranan struktur Dewan yang menepati kehendak, ke arah sidang dewan yang lebih efektif
- b) Tenaga kerja mahir dan profesional yang mendokong dedikasi dan komitmen tinggi ke arah perjalanan sidang yang lancar; dan
- c) Komitmen profesionalisme, etika ahli Dewan yang tinggi dan berhemah, mencerminkan mutu perbaahan, mempelbagaikan perdebatan sekaligus meningkatkan kualiti undang-undang yang digubal untuk kebaikan rakyat.

Saya percaya visi ke arah Parlimen Kelas Dunia mampu dicapai dengan kerjasama semua pihak yang mana lonjakan paradigma dari komitmen kejayaan, keterbukaan minda, kemuliaan tingkah laku, dan sikap toleransi yang sebulat suara menjadi formulanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Jubli Emas kepada warga Parlimen khasnya; dedikasi dan usaha gigih anda memastikan setiap sidang Parlimen berjalan dengan lancar saban hari amat dihargai oleh negara.

Marilah kita bersama-sama sempena perayaan Jubli Emas Parlimen Malaysia, memperbaharui komitmen ke arah memartabatkan sistem demokrasi berparlimen, kedaulatan undang-undang berpaksikan ketaatan kepada sistem Raja Berperlembagaan yang telah diwarisi sekian lama.

Selamat Menyambut Jubli Emas Parlimen Malaysia.

